



MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA

Ke Arah Kecemerlangan Sukan

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor-Kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**) bagi **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** untuk **Gred G1/G2, Kategori ME** Pengkhususan **E04** serta pendaftarannya masih berkuatkuasa.

NO. SEBUT HARGA	:	MSN/SH/004/2025 (SK)
TAJUK SEBUT HARGA	:	KERJA-KERJA MENAIKTARAF LAMPU KAWASAN KEPADA SOLAR DI PUSAT KECEMERLANGAN SUKAN PARALIMPIK KG. PANDAN, KUALA LUMPUR UNTUK MSNM
TARIKH BUKA	:	9 APRIL 2025 (RABU)
TARIKH TUTUP	:	18 APRIL 2025 (JUMAAT) SEBELUM PUKUL 12.00 TENGAHARI

Dokumen sebut harga boleh dimuat turun di laman ini. (Sila rujuk lampiran). Kehadiran semasa sesi taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan (sekiranya ada). Pihak kontraktor juga diwajibkan membawa salinan lesen dan cop syarikat semasa lawatan tapak tersebut.

Dokumen sebut harga perlu dihantar bersama Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Pendaftaran CIDB, Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia, Profail Syarikat, Sijil Pematuhan Cukai atau *Tax Compliance Certificate* (TCC) dan satu(1) salinan penyata bank syarikat yang terkini.

Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan No. Sebut Harga dan Tajuk di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga seperti alamat di bawah :

Peti Sebutharga & Tender
Lobi Aras 1 (Belakang)
Bangunan Pentadbiran
Majlis Sukan Negara Malaysia
Kompleks Sukan Negara
57000 Bukit Jalil
Kuala Lumpur

Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima.

Pihak syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut hendaklah menghubungi pegawai berikut :-

Cik Norfarizan Noordin@Mustapha (Urusetia Perolehan) : 03-89929066
En. Mohd Nur Aliff Muhammad (Spesifikasi Teknikal) : 03-89929606